



# MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

## KENYATAAN SEBUT HARGA KHAS UNTUK BUMIPUTERA

Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan ( SPKK )** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia ( CIDB )** dalam **Gred, Kategori dan Pengkhususan** yang berkaitan serta bertaraf **Bumiputera** yang berdaftar dengan **Pusat Khidmat Kontraktor ( PKK )** yang masih sah tempohnya dibenarkan menyertai sebut harga berikut:-

| No. Sebut harga     | Perihal Kerja  | Harga Dokumen/<br>Tarikh Mula Dijual  | Syarat Pendaftaran  |
|---------------------|--|---|---|
| MBJB/SH/<br>90/2023 | <p>Penyelenggaraan tahunan mencantas dan menebang pokok di rizab sungai dan parit utama di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 24 bulan (Zon 1)</p> <p>Tarikh Iklan : 5.9.2023<br/>Tarikh Taklimat/<br/>Lawatan Tapak : 11.9.2023 ( Isnin )<br/>Tempat : Bahagian Saliran &amp; Pengurusan Sungai,<br/>Jabatan Kejuruteraan, Aras 12,<br/>Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru.</p> <p>Masa : 9.30 pagi<br/>Tarikh Tutup : 18.9.2023 ( Isnin )<br/>S/harga ( Tepat 12.00 tengahari )<br/>No.Fail : MBBJ/U/2023/09/PNY/D/1</p> <p><b>*PENDAFTARAN TAKLIMAT ADALAH DIWAJIBKAN*</b></p> | <p>RM 50.00</p> <p>11.9.2023<br/>hingga<br/>14.9.2023</p> <p><b>( Rujuk<br/>Perenggan<br/>4 )</b></p> | <p>CIDB<br/>Gred : G2<br/>Kategori : CE<br/>Pengkhususan :<br/>CE21 atau CE14<br/><b>DAN</b> Sijil Kursus<br/>Cantas Tebang<br/>Atau Sijil Kursus<br/>Arborikultur Atau<br/>Sijil Kursus<br/>Penyelenggaraan<br/>Pokok (Anjuran<br/>MBJB 2019 Hingga<br/>Terkini) <b>DAN</b><br/>berdaftar dengan<br/>JCCD (Sijil<br/>Kontraktor Johor)</p> <p><b>HANYA PENAMA<br/>DALAM SIJIL<br/>CIDB<br/>Dibenarkan<br/>Mendaftar<br/>Kehadiran<br/>Taklimat</b></p> |

|                             |  |   |   |
|-----------------------------|--|---|---|
| <p>MBJB/SH/<br/>91/2023</p> | <p>Penyelenggaraan tahunan mencantas dan menebang pokok di rizab sungai dan parit utama di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 24 bulan (Zon 2)</p> <p>Tarikh Iklan : 5.9.2023<br/>         Tarikh Taklimat/ : 11.9.2023 ( Isnin )<br/>         Lawatan Tapak<br/>         Tempat : Bahagian Saliran &amp; Pengurusan Sungai,<br/>         Jabatan Kejuruteraan, Aras 12,<br/>         Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru.</p> <p>Masa : 9.30 pagi<br/>         Tarikh Tutup : 18.9.2023 ( Isnin )<br/>         S/harga ( Tepat 12.00 tengahari )<br/>         No.Fail : MBJB/U/2023/09/PNY/D/2</p> <p><b>*PENDAFTARAN TAKLIMAT ADALAH DIWAJIBKAN*</b></p> | <p>RM 50.00</p> <p>11.9.2023<br/>         hingga<br/>         14.9.2023</p> <p><b>( Rujuk Perenggan 4 )</b></p> | <p>CIDB<br/>         Gred : G2<br/>         Kategori : CE<br/>         Pengkhususan : CE21 atau CE14<br/> <b>DAN</b> Sijil Kursus Cantas Tebang Atau Sijil Kursus Arborikultur Atau Sijil Kursus Penyelenggaraan Pokok (Anjuran MBJB 2019 Hingga Terkini) <b>DAN</b> berdaftar dengan JCCD (Sijil Kontraktor Johor)</p> <p><b>HANYA PENAMA DALAM SIJIL CIDB Dibenarkan Mendaftar Kehadiran Taklimat</b></p> |
|-----------------------------|--|---|---|

2. Penyebut harga yang berminat untuk menyertai tawaran ini adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat bersemuka di pejabat Bahagian yang terlibat pada tarikh dan tempat sebagaimana yang ditetapkan di atas. Penyebut harga diwajibkan untuk mendaftar syarikat di sistem iPerolehan MBJB melalui laman sesawang <https://apl.mbjb.gov.my/iperolehan> sebelum hari taklimat bagi memudahkan urusan pendaftaran kehadiran taklimat. Sila abaikan jika telah berdaftar dan kemaskini maklumat syarikat sekiranya terdapat perubahan maklumat. **PENYEBUTHARGA (PENAMA DI DALAM LESEN) SAHAJA dibenarkan hadir ke taklimat** di pejabat dan lawatan tapak dan ianya **TIDAK BOLEH DIWAKILKAN**. Sila bawa bersama **Sijil - Sijil ASAL** semasa hadir taklimat sebutharga sebagaimana berikut :-

**2.1 : Sijil Pendaftaran Syarikat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**

**2.2 : Perakuan Pendaftaran Kontraktor ( PPK ) oleh CIDB**

**2.3 : Sijil Perolehan Kerja Kerajaan ( SPKK ) oleh CIDB & Taraf Bumiputera ( STB ) oleh PKK**


**2.4 : Sijil Kontraktor Johor ( SKJ ) oleh Johor Centre for Construction Development ( JCCD )**

**2.5 : Sijil Kursus Cantas Tebang Atau Sijil Kursus Arborikultur Atau Sijil Kursus Penyelenggaraan Pokok (Anjuran MBJB 2019 Hingga Terkini)**

3. Penjualan dan pembelian dokumen sebut harga dijalankan secara atas talian sahaja (Sila rujuk manual pembelian di ruangan Pembelian Dokumen pada Sistem iPerolehan.). Hanya syarikat yang **disahkan** untuk perolehan tersebut sahaja yang layak membeli dokumen. Syarikat yang berdaftar perlu menyemak status kehadiran taklimat sebelum meneruskan pembelian. Pembelian hendaklah dilakukan di sistem iPerolehan MBJB dan bayaran perlu dilakukan menggunakan sistem **PBTPay** (<https://pbtpay.kpkt.gov.my/>), sistem **eKhidmat** (<http://johor.ekhidmat.my/ekhidmat/>) atau di kiosk MBJB sahaja. Sila rujuk sistem **iPerolehan MBJB** bagi penjualan tersebut.

4. Dokumen Sebut harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta bertulis No. Sebut harga dan Perihal Kerja di sudut atas sebelah kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, Aras 6, Menara MBBB, sebelum jam 12.00 tengahari pada tarikh tutup seperti yang tertera pada jadual di atas. Dokumen boleh dihantar secara serahan tangan atau melalui pos berdaftar/ kurier.
5. Dokumen sebut harga yang dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/ kurier hendaklah dialamatkan ke **Peti Tawaran, Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, Aras 6, Menara MBBB, No. 1, Jalan Lingkaran Dalam, Bukit Senyum, 80300 Johor Bahru, Johor** untuk dimasukkan ke dalam Peti tawaran **sebelum pukul 12.00 tengahari** pada tarikh tutup yang ditetapkan di atas. Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang ditetapkan seperti diatas sebelum atau pada Tarikh Tutup sebut harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan dan pihak majlis tidak bertanggungjawab diatas kelewatan penghantaran oleh mana-mana pihak.
6. Majlis tidak terikat samada menerima Sebut harga yang terendah harganya atau sebarang tawaran lain

Sekian, dimaklumkan.



( **HAJI MISWAN BIN YUNUS** )  
Setiausaha,  
Majlis Bandaraya Johor Bahru.